

LATIHAN KARANGAN 4

Arahan:

Teliti pilihan jawapan dalam kotak di bawah ini. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai pada ayat karangan di bawah ini. Taipkan jawapan dengan ejaan/perkataan yang lengkap. Pelajar dapat merujuk contoh karangan dalam bentuk PDF yang dikongsikan sebelum ini.

Februari	damai	disambut	Julai	kebesaran
dihormati	bersyukur	maju	prihatin	berdoa
ibu	terkenal	ketua	negara	kerajaan
rasmi	keluasan	empat	Islam	utara
puak	adil	sultan	raja	minyak
pelancong	pemedulian	penduduk	bangunan	menarik

TAJUK KARANGAN: **NEGARA SAYA**

Negara ialah sebuah 1)k_____n yang didiami oleh sekumpulan masyarakat. Banyak negara yang 2)t_____l di dunia ini seperti Arab Saudi, Singapura, Jepun, Amerika, England dan Korea. Setiap negara diperintah oleh seorang 3)k_____a yang dipanggil raja atau presiden atau perdana menteri.

Saya tinggal di sebuah 4)n_____a yang bernama Negara Brunei Darussalam dengan 5) i_____u negaranya ialah Bandar Seri Begawan. Negara saya letaknya di 6) u_____a Pulau Borneo. Negara saya kecil sahaja dengan 7) k_____n 5764 kilometer persegi. Negara saya mempunyai 8)e_____t daerah iaitu Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong. Uagama rasmi ialah 9)l_____m dan Bahasa Melayu ialah bahasa 10)r_____i negara saya. Hasil utama negara saya ialah 11)m_____k dan gas.

Negara saya diperintah oleh seorang 12)r_____a yang bernama Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Baginda adalah 13)s_____n Brunei yang ke-29. Baginda merupakan seorang raja yang 14) a_____l dan sangat suka menjaga kesejahteraan rakyatnya. Negara saya terdiri daripada tujuh 15)p_____k iaitu Melayu Brunei, Kedayan, Tutong, Belait, Bisaya, Dusun dan Murut. Jumlah 16) p_____k negara saya ialah lebih kurang 411,000 orang. Penduduk negara saya terkenal dengan sikap yang baik, 17)p_____n dan bersopan santun.

Negara saya mempunyai banyak tempat-tempat yang 18)m_____k seperti Pantai Seri Kenangan, Taman Negara Ulu Belalong Temburong dan Kampong Ayer. Selain itu terdapat juga Taman Permainan Jerudong Park, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Hotel Empire. Masjid Omar Ali Saifuddien, Masjid Jame'Asr dan Istana Nurul Iman juga 19)b_____n yang sangat menarik perhatian. Tempat-tempat menarik tersebut merupakan tarikan kepada 20)p_____g datang ke Brunei.

Setiap tahun negara saya akan menyambut beberapa hari 21)k_____n. Pada bulan 22)F_____i, negara saya akan menyambut Hari Kebangsaan dan pada bulan 23) J_____i pula ialah sambutan Hari Keputeraan Sultan. Hari kebesaran Islam seperti Israk Mikraj, Awal Tahun Hijrah dan Maulud Nabi juga 24)d_____t.

Begitulah tentang negara saya. Negara saya aman dan 25)d_____i diperintah oleh raja yang adil dan 26)p_____n. Saya sangat 27)b_____r dapat tinggal di negara saya ini. Saya 28)b_____a semoga keamanan itu berterusan. Saya berharap negara saya berkembang lebih 29) m_____u dan menjadi negara Islam yang 30)d_____i.